



SIARAN MEDIA

LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2023 DAN SUKU KE-EMPAT TH PLANTATIONS BERHAD THP isytihar dividen sebanyak 2.00 sen sesaham.

Kuala Lumpur, 28 Februari 2024 -TH Plantations Berhad ("THP" atau "Kumpulan") terus menunjukkan prestasi positif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, mengisyiharkan dividen sebanyak 2.00 sen sesaham dengan jumlah bayaran RM17.68 juta, sebagai penghargaan kepada sokongan semua pemegang saham.

Kumpulan melaporkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM60.10 juta berbanding RM87.94 juta tahun lalu berikutan purata harga minyak sawit mentah (MSM), isirong sawit (PK), dan buah tandan segar (BTS) yang lebih rendah, walaupun pengeluaran BTS meningkat 13.21% kepada 787,741 Mt daripada 695,824 Mt. dan hasil BTS meningkat kepada 15.18 Mt/Ha daripada 13.21 Mt/Ha berbanding tahun lalu. Pendapatan Kumpulan pula susut 14.66% kepada RM752.03 juta daripada RM881.26 juta walaupun mencatatkan volum jualan BTS yang lebih tinggi.

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2023, Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM216.50 juta, penurunan marginal 1.28% daripada RM219.31 juta berbanding suku yang sama tahun lepas. Penurunan ini disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah dari sektor perladangan, volum jualan MSM dan PK yang rendah, walaupun diimbangi oleh volum jualan BTS yang lebih tinggi.

En Mohamed Zainurin Mohamed Zain – Ketua Pegawai Eksekutif THP berkata, "Prestasi positif Kumpulan sebahagian besarnya disokong oleh kemajuan Pelan Transformasi yang membolehkan kami mengharungi landskap operasi perniagaan yang mencabar dengan lebih baik."

"Kumpulan akan melaksanakan Pelan Perniagaan Strategik 5 tahun 2024-2028: "Al-Falah 22/22" dalam memacu kecemerlangan operasi dan kemampanan perniagaan yang dijangka akan memupuk pertumbuhan dan impak positif, di samping melindungi dan memulihara alam sekitar," tambahnya.

Tanpa sebarang keadaan luar jangkaan, Kumpulan mengunjurkan harga minyak sawit akan kekal kukuh berikutan kesempitan bekalan dan permintaan pada suku pertama 2024. Keadaan ini berlaku memandangkan pertumbuhan ekonomi global dijangka lebih perlahan dan kemelesetan yang meluas dalam kalangan ekonomi terkemuka dunia.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Investor Relations

TH Plantations Berhad

Email: info@thplantations.com

TH PLANTATIONS BERHAD (197201001069 (12696-M))

Level 23, Menara TH Selborn

153, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel: 03 2603 4800 Fax: 03 2603 4695

